

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300**



WATER TANK ENTERPRISE


Disediakan oleh:

Jorizal bin Yazit
Marsuzanna binti Salleh
Iszaini bin Sejet
Noralida binti Mohamad Nor
Rozana binti Mat Dali

Disediakan untuk:

Puan Rani Diana
Pensyarah Asas Keusahawanan
Institut Teknologi MARA
Melaka

12 Mac 1998



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

21hb. November 1997
100-CM(AKA 30/7B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil	Nama Pelajar	No. K/P ITM
1.	Iszaini Sejet	95633702
2.	Jorizal Yazit	95681184
3.	Marsuzanna Salleh	95259797
4.	Noralida Mohamad Nor	95647293
5.	Rozana Mat Dali	95341678

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

ABD RAZAK MD JAIS
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Kumpulan Projek
Membekalkan dan Memasang Tangki Air
Hi-Q Water Tank Enterprise
Kajian Perakaunan
Institut Teknologi MARA
Melaka

7 March 1998

Puan Rani Diana
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Melaka

Puan

Projek Membekal dan Memasang Tangki Air


Merujuk perkara di atas kami, Kumpulan Projek Membekal dan Memasang Tangki Air, Hi-Q Water Tank Enterprise telah pun menyiapkan Rancangan Perniagaan untuk memenuhi keperluan bagi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) seperti yang dikenendaki.

Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat yang dikehendaki untuk menubuhkan sebuah perniagaan bagi membekal dan memasang tangki air kepada pemaju perumahan dan kilang, orang perseorangan dan lain-lain yang memerlukan khidmat penyimpanan air yang bersih dan selamat.

Selain daripada itu Rancangan Perniagaan Hi-Q Water Tank Enterprise ini akan diajukan kepada pembekal-pembekal tangki air untuk membekalkan kepingan panel bagi perniagaan kami dan untuk menyakinkan pembekal bahawa perniagaan kami mampu membayar balik hutang dalam tempoh yang ditetapkan. Kami berharap agar Puan Rani Diana berpuas hati dengan hasil usaha kami selama satu semester ini.

Akhir kata kami sudahi dengan ucapan terima kasih.

Yang benar



(JORIZAL B. YAZIT)

Ketua Projek ETR 300

1.1 PENGENALAN

Air merupakan salah satu keperluan asas manusia. Sejak zaman dahulu lagi, manusia membuat penempatan di mana sumber air mudah didapati. Mereka membuat rumah di tepi-tepi sungai, kemudian menggali perigi-perigi dan seterusnya membuat kolam di dalam rumah melalui sistem pembuluh atau perpaipan.

Namun, dengan kemunculan teknologi-teknologi moden dan pembangunan yang pesat di Malaysia ini, rata-rata masyarakat kita telah menggunakan tangki konkrit, tangki besi, atau tangki kacagentian sebagai alternatif kepada sistem penyimpanan air cara lama. Tambahan pula, kaedah bekalan air yang di amalkan di Malaysia sekarang ini, semamangnya memerlukan tangki sebagai tempat penyimpanan air.

Bertitik-tolak daripada kaedah inilah, kami telah cuba untuk memanfaatkan peluang yang ada ini bagi memenuhi keperluan masyarakat Malaysia. Berbekalkan dengan maklumat yang kami perolehi daripada kaji selidik, pemerhatian dan temuramah serta pengalaman yang ada, maka terbentuklah sebuah perniagaan perkongsian yang menjalankan kegiatan perniagaan menjual dan memberi perkhidmatan memasang tangki air berbahagian (sectional water tank), jenis besi tahan karat dan kacagentian. Perkongsian ini kami namakan **Hi-Q Water Tank Enterprise**.

Hi-Q Water Tank Enterprise beralamat di No. 2, Jalan Cheng Baru, Taman Cheng Baru, 75250 Cheng, Melaka. Lokasi perniagaan ini sememangnya strategik dan sengaja kami memilih kawasan Cheng sebagai lokasi premis kami memandangkan Cheng diberitakan akan menjadi bandar pusat maklumat kedua terpenting selepas Bandar Melaka.

Apakah keistimewaan tangki air kami ? Sebenarnya banyak kelebihan yang boleh diperoleh oleh pengguna jika mereka menggunakan tangki air kami. Tangki air kami mudah dipasang di tempat-tempat yang sukar dan sempit seperti di atas menara, di atas bangunan di dalam bumbung, di atas bukit, di kawasan pendalaman dan seumpamanya. Pelanggan kami juga bebas memilih saiz tangki yang mereka kehendaki. Oleh kerana